A

Suruhanjaya Sekuriti lwn Chan Chui Mei

B MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN NO WA-22NCC-335–09 TAHUN 2016
HAS ZANAH MEHAT H
18 JANUARI 2018

C *Prosedur Sivil — Injunksi — Injunksi interim — Plaintif memohon perintah interim di bawah s 360 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ('Akta') — Sama ada plaintif mempunyai tuntutan yang boleh dibicarakan berdasarkan pelanggaran ss 179, 317A dan 370 Akta — Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ss 179, 317A, 360 & 370*

D

Prosedur Sivil — Pembatalan — Writ dan pernyataan tuntutan — Plaintif memfailkan tindakan ke atas defendan — Defendan memfailkan permohonan di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 — Sama ada plaintif
E *mempunyai kausa tindakan terhadap defendan — Sama ada tuntutan plaintif harus dibatalkan — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19*

Plaintiff memfailkan tuntutan terhadap defendan untuk satu deklarasi bahawa defendan telah melanggar s 179 dan/atau s 317A dan/atau s 370 dan dengan
F pelanggaran-pelanggaran tersebut mahkamah boleh membuat perintah-perintah di antaranya di bawah s 360 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ('Akta'). Dua permohonan interlokutori telah difailkan. Plaintif telah memfailkan permohonan untuk injuksi interim dan defendan memfailkan permohonan untuk membatalkan saman dan pernyataan
G tuntutan plaintif di bawah A 18 k 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 atas alasan plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan. Berdasarkan siasatan plaintif sebagai pihak berkuasa mengawal selia pasaran modal dan perkhidmatan yang diberi kuasa di bawah Akta tersebut mendapati bahawa defendan telah melakukan perbuatan yang melanggar ss 179, 317A
H dan 370 Akta tersebut. Plaintif telah memfailkan permohonan untuk injuksi interim sehingga selesai pelupusan tindakan guaman untuk: (a) menghalang defendan atau agen-agennya daripada mengeluarkan atau apa-apa urusan dengan akaun atas nama defendan dalam mana-mana bank atau institusi kewangan sehingga nilai RM11.54 juta dan mengeluarkan atau apa-apa urusan
I dengan akaun seperti yang tersenarai setakat RM11.54 juta; (b) memfailkan dan mengikrarkan afidavit untuk maklumat akaun terperinci berkenaan RM11.54 juta yang diterima daripada syarikat-syarikat yang disenaraikan termasuk identiti-identiti yang dibayar oleh defendan dan asset-aset defendan; dan (c) tidak membenarkan mana-mana bank untuk menjalankan apa-apa hak

set off berkenaan apa-apa kemudahan yang telah diberikan kepada defendan. Antara alasan permohonan plaintif adalah kerana wang yang dimasukkan ke akaun defendan adalah milik sebuah syarikat awam dan perintah restitusi boleh diberikan dan defendan teah melanggar ss 179, 317A dan 370, oleh itu melanggar keperluan-keperluan berkaitan yang ditakrif di bawah sub-s (13) Akta tersebut. Alasan-alasan permohonan defendan untuk membatalkan tuntutan plaintif adalah: (i) plaintif tidak mempunyai hak atau kuasa untuk memulakan tindakan di bawah ss 179, 317A dan 370 Akta tersebut dan untuk perintah di bawah s 360 Akta tersebut untuk pelanggaran seksyen-seksyen tersebut; (ii) peruntukan di bawah ss 179, 317A dan 370 Akta tersebut bukanlah satu keperluan yang membenarkan s 360 Akta tersebut digunapakai; (iii) s 360 tidak boleh diguna pakai oleh plaintif tanpa peruntukan khusus yang membenarkan tindakan diambil; dan (iv) pelanggaran ss 179, 317A dan 370 bukan pelanggaran kehendak berkaitan yang menyalahi peruntukan s 360 Akta tersebut.

Diputuskan, membenarkan permohonan plaintif dan menolak permohonan defendan dengan kos sebanyak RM5,000:

(1) Plaintif mempunyai tuntutan yang boleh dibicarakan terhadap defendan kerana pelanggaran ss 179, 371A dan 370 Akta tersebut. Pelanggaran tersebut dirangkumi oleh peruntukan takrifan di bawah perenggan s 360(13)(a)(i) Akta tersebut. *Status quo* jumlah wang RM11.54 juta adalah patut dikekalkan (lihat perenggan 20).

(2) Plaintif mempunyai kausa tindakan tehadap defendan kerana perbuatan-perbuatan defendan merupakan kesalahan di bawah ss 179, 317A dan 370 Akta tersebut. Pelanggaran seksyen-seksyen tersebut dirangkumi oleh s 360(13)(a)(i) Akta terebut. Mahkamah menerima pandangan dalam kes *Securities Commission v Ishak bin Ismail* [2010] MLJU 1194, di mana pelanggaran mana-mana seksyen Akta, plaintif boleh mengambil tindakan kerana pelanggaran tersebut merupakan pelanggaran dengan kehendak berkaitan. Tuntutan plaintif bukanlah sesuatu yang tidak boleh dipertahankan dan wajar dikekalkan dalam senarai daftar perbicaraan (lihat perenggan 24–26).

[English summary

The plaintiff filed a claim against the defendant for a declaration that the defendant had infringed s 179 and/or s 317A and/or s 370 and with these infringements the court may make orders, inter alia, under s 360 of the Capital Markets and Services Act 2007 ('the Act'). Two interlocutory applications had been filed. The plaintiff filed an application for interim injunction and the defendant filed an application to strike out the plaintiff's summons and statement of claim under O 18 r 19(1)(a) of the Rules of Court 2012 on the ground that the plaintiff had no cause for action against the defendant. Based on the plaintiff's investigation as the regulatory body regulating capital markets

and services authorised under the Act, it was found that the defendant had committed acts in infringement of ss 179, 317A and 370 of the Act. The plaintiff had filed an application for interim injunction upon final disposal of a suit to: (a) prevent the defendant or its agents from issuing or dealing with the account on behalf of the defendant in any bank or financial institution up to RM11.54m and issue or any dealings with such accounts listed for up to RM11.54m; (b) file and declare an affidavit for the detailed account information of RM11.54 received from the listed companies including the identities paid by the defendant and the assets of the defendant; and (c) not allowing any bank to exercise any set off rights in respect of any facilities provided to the defendant. One of the grounds for the plaintiff's application was that the money deposited into the defendant's account belonged to a public company and a restitution order could be issued and the defendant had infringed ss 179, 317A and 370, thereby infringing the relevant requirements defined under sub-s (13) of the Act. The reasons for the defendant's application to dismiss the plaintiff's claim were: (i) the plaintiff did not have the right or authority to commence an action under s 179, 317A and 370 of the Act and for an order under s 360 of the Act for infringement of the sections; (ii) the provisions of s 179, 317A and 370 of the Act were not a requirement to authorise s 360 of the Act to be applied; (iii) s 360 could not be applied by the plaintiff without the specific provisions authorising the action to be taken; and (iv) infringement of s 179, 317A and 370 were not infringement of relevant provisions that contravene the provisions of s 360 of the Act.

Held, allowing the plaintiff's application and dismissing the defendant's application with costs of RM5,000:

(1) The plaintiff had a claim that can be tried against the defendant for infringement of ss 179, 371A and 370 of the Act. Such infringement was covered by the provisions of the definition under the paragraph of s 360(13)(a)(i) of the Act. The monetary status quo of RM11.54m was to be maintained (see para 20).

(2) The plaintiff had a cause of action against the defendant as the defendant's actions were an offense under ss 179, 317A and 370 of the Act. The infringement of these sections was covered by s 360(13)(a)(i) of the Act. The court accepted the view in the case of *Securities Commission v Ishak bin Ismail* [2010] MLJU 1194, where an infringement of any section of the Act, the plaintiff could take action because the infringement was an infringement of the relevant requirement. The plaintiff's claim was not something that could not be defended and should be maintained on the trial list (see paras 24–26).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai injunksi interim, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 4314–4445.

Untuk kes mengenai writ dan pernyataan tuntutan, lihat 2(5) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 9563–9581.

Kes-kes yang dirujuk

Securities Commission v Ishak bin Ismail [2010] MLJU 1194, MT (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ss 179, 317A, 360, 360(1)(A), (1)(B), (1)(C), (1)(D), (1)(E), (1)(F), (1)(G), (1)(H), (1)(I), (1)(J), (1)(K), (1)(L), (1)(M), (1)(N), (1)(O), (1)(P), (2), (13), (13)(a)(i), 370
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18, A 18 k 19(1)(a)

SM Shanmugam (CK Lung dan Aina Syazwani bersamanya) (Lee Hishammuddin Allen & Gledhill) bagi pihak plaintif.
Wan Azmir (Norhazira Abu Haiyan bersamanya) (Hafarizam Wan & Aisha Mubarak) bagi pihak defendan.

Has Zanah Mehat H:

PENGENALAN

[1] Plaintif memfailkan tuntutan terhadap defendan untuk satu deklarasi bahawa defendan melanggar s 179 dan/atau 317A dan/atau 370 dan dengan pelanggaran-pelangaran tersebut mahkamah boleh membuat perintah-perintah di antaranya di bawah s 360 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Capital Market Services Act 2007) ('Akta') seperti yang diplidkan dalam perenggan 4 pernyataan tuntutan.

[2] Dua permohonan interlokutori telah difailkan. Plaintif telah memfailkan permohonan untuk injunksi interim melalui lampiran 2 dan defendan memfailkan lampiran 33 untuk membatalkan saman dan penyataan tuntutan plaintif di bawah A 18 k 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('A 18 KM 2012') untuk writ saman dan penyataan tuntutan plaintif bertarikh 26 September 2016 dibatalkan atas alasan plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan.

[3] Saya akan memberi alasan bertulis untuk kedua-dua permohonan tersebut dalam satu penghakiman memandangkan fakta dan latarbelakang yang sama.

FAKTA DAN LATAR BELAKANG

[4] Secara asasnya berdasarkan penyataan tuntutan plaintif, berdasarkan siasatan plaintif sebagai pihak berkuasa mengawal selia pasaran modal dan perkhidmatan yang diberi kuasa di bawah Akta mendapati bahawa defendan

telah melakukan perbuatan yang melanggar ss 179, 317A dan 370 Akta. Kes plaintif ialah berdasarkan pelanggaran tersebut adalah merupakan pelanggaran kehendak tertentu di bawah s 360 Akta berdasarkan takrifan kehendak tertentu seperti yang diperuntukkan oleh sub-s (13) s 360 Akta.

[5] Defendan adalah pengarah dan timbalan pengarah urusan suatu syarikat awam yang disenaraikan iaitu Stone Master Bhd ('Stone Master'). Berdasarkan siasatan, plaintif mendapati bahawa defendan seorang pengarah Stone Master sedang melakukan perbuatan-perbuatan iaitu:

(a) pada 14 Januari 2016 defendan melalui syarikat miliknya (memegang 99% saham) Starfield Capital Sdn Bhd ('Starfield'), telah memberi pinjaman kepada Stone Master wang sebanyak 2.5 juta. Pada 19 Januari 2016 satu lagi pinjaman telah diberikan kepada Stone Master berjumlah RM15.5 juta. Oleh itu kesemua pinjaman kepada Stone Master berjumlah RM18 juta. Jumlah pinjaman ini telah direkodkan sebagai hutang dalam rekod Stone Master;

(b) Stone Master kemudiannya telah memasuki perjanjian agensi eksklusif (*exclusive agency agreement*) selepas ini dirujuk sebagai 'perjanjian agensi' berasingan dengan 23 syarikat luar negara iaitu dari Guangdong, Guangzhou dan Naan City, China dan Kowloon Tong, Hong Kong (perenggan 2.7 penyata tuntutan) selepas ini dirujuk sebagai 'syarikat asing'. Dalam perjanjian agensi tersebut dinyatakan bahawa Stone Master diberi hak eksklusif untuk memasarkan produk-produk dan perkhidmatan 23 syarikat asing tersebut di Malaysia dan Singapura (hak eksklusif). Sebagai balasan Stone Master dikehendaki membayar *initial agency fee* (yuran agensi) kepada benefisiari syarikat asing berkenaan yang terdiri dari 23 syarikat modal berbayar RM2 yang diperbadankan di Malaysia (23 benefisiari) (perenggan 2.8(b) penyata tuntutan). Yuran agensi ini yang mempunyai nilai keseluruhan RM3.05 bilion. Sebagai balasan, syarikat asing tersebut akan memberi kepada Stone Master *kick-off package* dalam bentuk produk dan perkhidmatan untuk menyokong dan membantu pemasaran yang dikatakan mempunyai nilai keseluruhan RM2.63 bilion;

(c) atas pelaksanaan perjanjian agensi tersebut Stone Master dikehendaki membayar *non-refundable* deposit yang mempunyai nilai keseluruhan sebanyak RM11.59 juta (deposit) kepada 23 benefisiari tersebut. Pada 3 Februari 2016 Stone Master telah membayar RM11.59 juta kepada 23 benefisiari tersebut. Baki yuran agensi dikehendaki dibayar dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perjanjian agensi kepada syarikat asing tersebut;

(d) pada 10 Februari 2016 Stone Master telah menandatangani perjanjian penyelesaian dengan syarikat asing tersebut. Syarat perjanjian

penyelesaian ialah untuk penyelesaian baki yuran agensi terdahulu, Stone Master mengisukan saham baru kepada 23 benefisiari tersebut;

(e) defendan adalah satu-satunya penandatangan yang diberi kuasa terhadap akaun bank 23 benefisiari tersebut;

(f) dalam tempoh seminggu selepas memberi pinJaman kepada Stone Master sebanyak RM11.59 juta, Stone Master membayar kepada akaun 23 benefisiari tersebut. Siasatan selanjutnya mendapati defendan kemudiannya memindahkan wang daripada akaun 23 benifisiari tersebut kepada akaun peribadi beliau di Hong Leong Bank berjumlah RM11.54 juta; dan

(g) di antara 17 Mac 2016 hingga Jun 2016, defendan telah memindahkan jumlah yang banyak (*substantial sums*) daripada akaun peribadi beliau di Hong Leong Bank kepada akaun peribadi yang lain iaitu di CIMB, OUB Bank, HSBC Bank dan Bank Of China yang kesemuanya berjumlah RM9 juta.

[6] Dalam siasatannya, plaintif telah menunjukkan kepada defendan aliran wang tersebut dan defendan tidak menafikan bahawa beliau telah memindahkan RM11.54 juta kepada akaun beliau. Aliran wang tersebut seperti dalam carta yang dikemukakan oleh plaintif seperti di Lampiran A.

[7] Berdasarkan perenggan 2.21 penyataan tuntutan, memplidkan bahawa siasatan plaintif seterusnya ke atas 23 benefisiari tersebut juga mendedahkan bahawa:

(a) defendan merupakan penandatangan tunggal bagi semua akaun bank 23 benefisiari di Hong Leong Bank;

(b) walaupun plaintif telah dimaklumkan bahawa semua saham dalam 23 benefisiari tersebut telah dipindahkan ke 23 syarikat asing tersebut, namun, carian-carian syarikat terkini bertarikh 22 September 2016 menunjukkan;

(i) empat daripada 23 benefisiari tidak menunjukkan butiran mengenai pemegang-pemegang saham;

(ii) 19 daripada 23 benefisiari adalah dimiliki oleh dua individu warganegara Malaysia iaitu Koo Chee Yeou dan Phong Yew Kong;

(iii) dua individu warganegara Malaysia tersebut juga merupakan pengarah kepada semua 23 benefisiari tersebut;

(iv) empat daripada 23 benefisiari tidak mempunyai alamat berdaftar;

(v) 19 daripada 23 benefisiari mempunyai alamat pendaftaran yang sama di B-5-5, Block B, Pusat Komersial Southgate No 2, Jalan

Dua, Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur;

(vi) empat daripada 23 benefisiari tidak menyatakan jumlah saham yang diisukan dan modal berbayar; dan

(vii) 19 daripada 23 benefisiari merupakan syarikat RM2.

[8] Berdasarkan perenggan 2.22 penyataan tuntutan, Koo Chee Yeou, salah seorang pengarah 23 benefisiari tersebut, juga merupakan pengarah kepada syarikat Bina Jiulong Sdn Bhd ('Bina Jiulong'). Defendan menerusi Starfield merupakan pemegang saham majoriti Bina Jiulong dengan memegang 99.8% saham.

[9] Berdasarkan penyataan tuntutan, plaintif menegaskan bahawa pelanggaran peruntukan-peruntukan Akta telah dilakukan oleh defendan iaitu:

Pelanggaran s 179

[10] Peruntukan s 179 adalah seperti berikut:

179 Use of manipulative and deceptive devices

It shall be unlawful for any person, directly or indirectly in connection with the subscription, purchase or sale of any securities —

(a) *to use any device, scheme or artifice to defraud;*

(b) *to engage in any act, practice or course of business which operates or would operate as a fraud or deceit upon any person; or*

(c) *to make any untrue statement of a material fact or to omit to state a material fact necessary in order to make the statements, made in the light of the circumstances under which they were made, not misleading.*

[11] Perbuatan pelanggaran s 179 oleh defendan ialah dengan:

(a) merekakan alat, skim atau 'artifice' untuk menipu ('defraud') Stone Master dengan mewujudkan hutang yang palsu (*artificial*);

(b) terlibat dalam perbuatan, amalan atau perjalanan perniagaan Starfield dan 23 benefisiari tersebut dan/atau secara 'self-dealing' yang beroperasi sebagai penipuan atau perdayaan terhadap Stone Master;

(c) defendan telah gagal untuk mendedahkan fakta material iaitu kepentingan beliau untuk memastikan bahawa kenyataan-kenyataan yang telah dibuat tidak mengelirukan (*misleading*); dan

(d) akibat daripada perenggan-perenggan (a)–(c) di atas, defendan telah;

(i) mengaut keuntungan rahsia (*secret profit*) atau keuntungan yang

menyalahi undang-undang daripada wang yang dimiliki Stone Master, sebuah syarikat awam yang tersenarai;

(ii) merupakan benefisiari utama daripada *non-refundable* deposit tersebut atau 99% daripadanya; dan

(iii) berhak untuk menerima 'saham percuma' yang substansial melalui saham penyelesaian yang dicadangkan dalam pembayaran balik jumlah pinjaman beliau.

Pelanggaran s 317A

[12] Seksyen 317A memperuntukkan seperti berikut:

(1) *A director or an officer of a listed corporation or any of its related corporations shall not do or cause anyone to do anything with the intention of causing wrongful loss to the listed corporation or any of its related corporations irrespective of whether the conduct causes actual wrongful loss.*

(2) This section is in addition to and not in derogation of any law relating to the duties or liabilities of directors or officers of a listed corporation.

(3) A person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be punished with imprisonment for a term which shall not be less than two years but not exceeding ten years and be liable to a fine not exceeding ten million ringgit.

(4) For the purpose of this section —

'director' includes a person who is a director, chief executive officer, chief operating officer, chief financial controller or any other person primarily responsible for the operations or financial management of a company, by whatever name called;

'property' has the same meaning as in section 138;

'wrongful loss' means loss of property by unlawful means to which the person losing is legally entitled.

[13] Butir-butir pelanggaran s 317A oleh defendan:

(a) urutan keseluruhan peristiwa-peristiwa seperti yang dinyatakan di atas, termasuk pelanggaran s 179 Akta, merupakan manipulasi, penipuan, rekaan dan/atau peralatan palsu yang dikendalikan oleh defendan dan dengan itu mempunyai niat untuk menyebabkan kerugian secara salah (*wrongful loss*) kepada Stone Master tidak kira sama ada Stone Master mengalami kerugian secara salah atau tidak;

(b) kerugian secara salah (*wrongful loss*) yang dialami oleh Stone Master adalah seperti berikut:

(i) defendan mengaut keuntungan rahsia (*secret profit*) atau

keuntungan yang menyalahi undang-undang daripada wang yang dimiliki Stone Master;

(ii) merupakan benefisiari utama daripada *non-refundable* deposit tersebut atau 99% daripadanya; dan

(iii) berhak untuk menerima 'saham percuma' yang substansial melalui saham penyelesaian yang dicadangkan dalam pembayaran balik jumlah pinjaman beliau.

Pelanggaran s 370

[14] Seksyen 370 memperuntukkan seperti berikut:

370 Attempts, abetments and conspiracies

A person who —

(a) attempts to commit any offence under this Act;

(b) does any act in furtherance of the commission of any offence under this Act; or

(c) abets or is engaged in a criminal conspiracy to commit any offence under this Act whether or not the offence is committed in consequence thereof,

commits such offence and shall, on conviction, be punished with or be liable to the penalty provided for such offence.

[15] Butir-butir pelanggaran s 370 oleh defendan:

(a) urutan keseluruhan peristiwa-peristiwa seperti yang dinyatakan di atas, termasuk pelanggaran ss 179 dan 317A Akta merupakan:

(b) percubaan defendan untuk melakukan apa-apa pelanggaran di bawah Akta; dan

(c) perlakuan apa-apa tindakan sebagai lanjutan (*in furtherance*) apa-apa pelanggaran di bawah Akta.

[16] Plaintif memohon relif terhadap defendan di antaranya dalam bentuk restitusi di mana perintah pemulangan wang kepada syarikat awam. Sementara menunggu penyelesaian tuntutan plaintif juga memohon perintah injuksi supaya defendan dihalang daripada berurusan dengan jumlah wang yang terdapat dalam akaun peribadinya seperti yang tersenarai dalam afidavit menyokong permohonan.

LAMPIRAN 2 (PERMOHONAN INJUNKSI)

[17] Plaintif telah memfailkan permohonan untuk injunksi interim sehingga selesai pelupusan tindakan guaman untuk:

(a) menghalang defendan atau agen-agennya daripada:

(i) mengeluarkan atau apa-apa urusan dengan akaun atas nama defendan dalam mana-mana bank atau institusi kewangan sehingga nilai RM11.54 juta sehingga pelupusan tindakan di sini; dan

(ii) mengeluarkan atau apa-apa urusan dengan akaun seperti yang tersenarai setakat RM11.54 juta termasuk apa-apa faedah yang telah terakru atau akan terakru bagi pihak defendan;

(b) dalam tempoh sepuluh hari dari tarikh serahan perintah, memfailkan dan mengikrarkan afidavit untuk maklumat:

(i) akaun terperinci berkenaan RM11.54 juta yang diterima daripada syarikat-syarikat yang disenaraikan termasuk identiti-identiti yang dibayar oleh defendan; dan

(ii) aset-aset defendan;

(c) tidak membenarkan mana-mana bank untuk menjalankan apa-apa hak *set off* berkenaan apa-apa kemudahan yang telah diberikan kepada defendan.

ALASAN PERMOHONAN INJUNKSI

[18] Plaintif telah memfailkan permohonan ini di bawah kuasa yang diperuntukkan dalam s 360. Alasan permohonan ialah:

(a) kepentingan awam kerana wang-wang yang dimasukkan ke akaun defendan adalah wang milik sebuah syarikat awam dan perintah restitusi boleh diberikan; dan

(b) defendan telah melanggar ss 179, 317A dan 370, oleh itu melanggar keperluan-keperluan berkaitan yang ditakrif di bawah sub-s (13).

KEPUTUSAN

[19] Saya telah mendengar permohonan injunksi ex parte dan membenarkan permohonan. Dalam perbicaraan secara inter parte saya telah mengesahkan perintah ex parte terdahulu. Saya berpendapat plaintif mempunyai kuasa untuk memohon perintah interim berdasarkan peruntukan sub-s (2) s 360 Akta yang memperuntukkan seperti berikut:

> (2) *If an application is made to a court for an order under subsection (1)*, the court may, if in its opinion it is desirable to do so, before considering the application, *make an interim order of the kind applied for and such order shall be expressed to have effect pending the determination of the application.*

[20] Berdasarkan fakta-fakta yang diplidkan dalam penyataan tuntutan dan bukti-bukti yang ditunjukkan dalam afidavit menyokong permohonan, saya berpendapat plaintif mempunyai tuntutan yang boleh dibicarakan terhadap defendan kerana pelanggaran ss 179, 317A dan 370 Akta. Oleh itu pelanggaran ini juga adalah dirangkumi oleh peruntukan takrifan di bawah perenggan (a)(i) sub-s (13) s 360 Akta. Berdasarkan itu *status quo* jumlah wang RM11.54 juta patut dikekalkan.

LAMPIRAN 33 (PEMBATALAN SAMAN DAN PERNYATAAN TUNTUTAN)

[21] Alasan-alasan permohonan defendan untuk membatalkan tuntutan plaintif adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

(a) plaintif tidak mempunyai hak atau kuasa untuk memulakan tindakan di bawah ss 179, 317A dan 370 Akta dan untuk perintah di bawah s 360 Akta untuk pelanggaran-pelanggaran seksyen-seksyen tersebut;

(b) peruntukan di bawah ss 179, 317A dan 370 Akta bukanlah suatu 'requirement' yang membenarkan s 360 Akta digunapakai;

(c) s 360 Akta tidak boleh diguna pakai oleh plaintif tanpa peruntukan khusus yang membenarkan tindakan diambil; dan

(d) permohonan di lampiran 2 (permohonan injunksi) menyatakan tindakan tersebut adalah hanya di bawah ss 179, 317A dan 370 Akta dan pelanggaran ini bukan pelanggaran kehendak berkaitan yang menyalahi peruntukan s 360 Akta.

KEPUTUSAN

[22] Plaintif, telah memfailkan tuntutan terhadap defendan untuk mahkamah membuat perintah tertentu di bawah s 360 Akta yang memperuntukkan bahawa atas permohonan plaintif, jika mahkamah mendapati mana-mana orang telah melanggar suatu kehendak berkaitan (*contravention of relevant requirement*) mahkamah boleh membuat mana-mana perintah di bawah perenggan (A)–(P) seksyen tersebut. Plaintif berhujah bahawa berdasarkan fakta kes, defendan telah melanggar ss 179, 317A dan 370 Akta. Oleh kerana pelanggaran seksyen-seksyen tersebut, plaintif mempunyai *locus* atau kausa tindakan di bawah s 360 Akta untuk mendapat perintah-perintah di bawahnya.

[23] Seksyen 360 Akta memperuntukkan seperti berikut:

360(1) Where —

(a) on an application by the Commission, it appears to the court that —

(i) *there is reasonable likelihood that any person will contravene a relevant requirement;*

(ii) *any person has contravened a relevant requirement;* or

(iii) any person has contravened a relevant requirement and that there are steps which could be taken to remedy the contravention or to mitigate the effect of such contravention, including making restitution to any other person aggrieved by such contravention, whether or not that person has been charged with an offence in respect of the contravention or whether or not a contravention has been proved in a prosecution; ...

the court may, without prejudice to any order it would be entitled to make otherwise than pursuant to this section, make one or more of the following orders: ...

(A) an order restraining or requiring the cessation of the contravention;

(B) an order restraining a person from dealing in securities or dealing in derivatives in respect of any class of securities or derivatives mentioned in the order;

(C) ...;

(2) *If an application is made to a court for an order under subsection (1)*, the court may, if in its opinion it is desirable to do so, before considering the application, *make an interim order of the kind applied for and such order shall be expressed to have effect pending the determination of the application.*

(13) For the purposes of this section, 'relevant requirement' —

(a) in relation to an application by the Commission under this section, *means a requirement* —

(i) *which is imposed by or under this Act or any securities laws;*

(ii) which is imposed as a condition or restriction of any approval or licence that is given or issued under or pursuant to this Act or any securities laws;

(iii) which is imposed by or under the rules of a stock exchange, a derivatives exchange or an approved clearing house; or

(iv) which is imposed by or under any other law and the contravention of which constitutes an offence which the Commission has the power to prosecute with the consent in writing of the Public Prosecutor; (Penekanan ditambah.)

[24] Berdasarkan pliding oleh plaintif seperti yang diplidkan dan dibincangkan di atas saya berpendapat plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan kerana perbuatan-perbuatan tersebut yang merupakan kesalahan di bawah ss 179, 317A dan 370. Pelanggaran seksyen-seksyen tersebut adalah dirangkumi oleh perenggan (a)(i) sub-s (13) s 360 Akta.

[25] Saya juga menerima pakai pandangan yang dinyatakan dalam *Securities Commission v Ishak bin Ismail* [2010] MLJU 1194 di mana pelanggaran mana-mana seksyen Akta, plaintif boleh mengambil tindakan kerana ia adalah merupakan pelanggaran dengan kehendak berkaitan.

[26] Berdasarkan itu tuntutan plaintif bukanlah sesuatu yang tidak boleh dipertahankan. Oleh itu wajar dikekalkan dalam senarai daftar perbicaraan.

[27] Atas alasan di atas permohonan kandungan 33 ditolak dengan kos RM5,000 kepada plaintif.

LAMPIRAN A


Money Trail
Defendant
Defendant then transferred to her 8 other personal bank accounts and to 3 other parties
RM 18 million Loan Sum to Stone Master
Defendant transferred RM11.54 million into her personal bank account
Stone Master
Entered into Agency Agreements with 23 Foreign Companies
Stone Master paid RM 11.58 million Non-Refundable Deposit to the 23 Beneficiaries
23 Beneficiaries
Defendant is the sole authorized signatory

Permohonan plaintif dibenarkan dan permohonan defendan ditolak dengan kos sebanyak RM5,000.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar